

22 MAR 1999

Norian-Laporan

LAPORAN PULIH IMEJ AKAN DISERAH KEPADA KDN SECEPAT MUNGKIN

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedang mengumpul fakta lengkap berhubung langkah-langkah memperkemarkan perkhidmatan pasukan itu untuk diserahkan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi tindakan serta-merta, kata Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai.

Beliau yang kini menjalankan tugas-tugas Ketua Polis Negara berkata segala rumusan hasil persidangan Ketua-ketua Polis, Pesuruhjaya Polis, Komander pasukan, Pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan PDRM sedang dikumpulkan untuk tindakan selanjutnya.

"Kami sedang menyiapkan laporan itu dan akan diserahkan kepada Kementerian secepat mungkin," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Jumaat lepas, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata langkah serta merta akan diambil bagi memulihkan imej pasukan polis yang tercemar ekoran beberapa kejadian sejak kebelakangan ini.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata laporan lengkap yang akan mengandungi "langkah-langkah serta merta" itu serta cadangan dan program spesifik yang boleh dilaksanakan bagi tujuan berkenaan akan dikaji oleh Kementerian.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai tindakan polis berhubung dua laporan bahawa terdapat cubaan membunuh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Norian berkata polis sedang memantau keadaan dan telah mengambil semua langkah berjaga-jaga.

"Kita telah mengambil semua langkah berjaga-jaga...," kata beliau.

Ditanya jika polis akan mempertingkatkan kawalan keselamatan bagi Perdana Menteri, Norian berkata polis akan menyiasat terlebih dahulu dan kawalan keselamatan akan ditingkatkan jika laporan itu positif.

Beliau berkata polis tidak memandang ringan sebarang maklumat yang disampaikan tanpa mengira cara laporan diterima atau sama ada laporan itu lengkap atau tidak.

Semalam, bekas Menteri Besar Kedah Tan Sri Osman Aroff membuat laporan polis yang beliau menerima ugutan bunuh Dr Mahathir melalui telefon pada 1 pagi di rumahnya.

Pada Jumaat lepas, Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali membuat laporan polis atas perkara yang sama.

Dalam laporan beliau, Ibrahim berkata seorang rakan menyampaikan sebuah kaset yang ditemui di laci meja seorang guru di sebuah sekolah di Tumpat, Kelantan. Kaset itu juga mengandungi ugutan bunuh Dr Mahathir.

-- BERNAMA

SN ZAI PR